

Newspaper	Berita Harian
Date	1 August 2015

'Utama prinsip cari kebenaran'

BH-1/8/2015

» PM seru pastikan kesahihan berita tersebar di laman sosial

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya



Najib menyampaikan surat tawaran haji kepada wakil negeri Kelantan, Mohd Zamri Mamat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya, semalam. [FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Datuk Seri Najib Razak meminta rakyat terutama umat Islam, supaya berpegang kepada prinsip mencari kebenaran dan tidak ada sesiapa yang bersalah sehingga terbukti kesalahannya.

Perdana Menteri berkata, dalam hakikat kehidupan hari ini, persepsi dilihat sudah mengatasi kebenaran apabila sesuatu berita tidak pasti kebenarannya tersebar luas melalui laman sosial dalam sekelip mata dan mudah dipercayai.

"Anda tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah tapi dalam media sosial, anda bersalah dan anda harus buktikan anda tidak bersalah. Ini sudah terbalik.

"Jangan pula sebab serangan media sosial melalui jari manusia, (seseorang itu) dianggap bersalah dan dia kena buktikan kebenarannya. Kadang-kadang kita terjebak (untuk) percaya kepada satu-satu berita tanpa kita mencari ke-

benaran dan memeriksa betul-betul apa kebenaran serta fakta sebenar," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Haji Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada imam dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Pengerusi Tabung Haji (TH), Datuk Abdul Azeez Rahim dan Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, disebabkan persepsi dan fitnah TH terpaksa menjual semula satu plot tanah di Tun Razak Exchange

(TRX), Kuala Lumpur yang dibeli daripada 1MDB, selepas tuduhan mengatakan wang pendeposit TH diguna bagi menyelamatkan syarikat pelaburan strategik kerajaan itu.

Cerita fitnah tersebar

"Sedangkan pada hakikatnya, tanah ini dibeli kerana berpotensi besar dan mendatangkan keuntungan. Satu cerita fitnah tersebar luas sekelip mata kerana persepsi dunia hari ini terbentuk melalui jari manusia (media sosial), bukan daripada ungkapan orang atau surat layang.

"Bila kita serang 1MDB, seperti seolah-olah 1MDB tiada jasa kepada kita sedangkan lebih 3,000 orang sudah naik haji, rumah usang dipulihkan, nelayan miskin dan budak sekolah (dibantu).

"Beratus juta diberikan melalui program CSR (tanggungjawab sosial korporat) tapi kenapa tidak ada penilaian dan

(wujud persepsi) seolah-olah segalanya buruk mengenai 1MDB," katanya.

Najib berkata, ada sesetengah pemimpin pembangkang, termasuk Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berpendapat tuduhan tidak boleh dibuat secara melulu, namun ada segelintir orang UMNO menjadi batu api.

"Apa hal orang kita ini? Orang kita tumpang semangkuk, jadi batu Ronson (batu api), tukang kipas. Sesetengah pembangkang lebih tahu buat penilaian," katanya.

Beliau turut meminta bakal jemaah haji supaya mendoakan keselamatan negara daripada perkara yang tidak diinginkan di Tanah Suci nanti.

"Kepemimpinan kerajaan negara kita, biar kita yang tentukan... bukan orang luar. Bukan orang asing yang menjadi penentu siapa dalam kerajaan, siapa dia nak jatuhkan," tegas beliau.